


## JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu  
Jalan UMS, Teluk Likas  
Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu  
SABAH, MALAYSIA  
Tel.: 088-368900  
Faks.: 088-215116  
Laman web: [jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (75 )

Tarikh : 30 Januari 2023

### SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH/KETUA CAWANGAN/KETUA PASUKAN INOVASI DIGITAL/ KETUA KSIT

Tuan/Puan,

### SURAT PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.4/2023 TAHAP RISIKO PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN WARGA JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI


Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas

2. Penyalahgunaan dadah merupakan salah satu pelanggaran tatakelakuan mengikut Peraturan 208, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 yang boleh menjejaskan nama baik dan menghilangkan kepercayaan orang terhadap perkhidmatan awam. Penyalahgunaan dadah juga merupakan salah satu penyumbang kepada masalah keruntuhan akhlak dan sosial masyarakat yang menyumbang kepada keganasan dan tidak produktif sekaligus merugikan negara.

3. Bagi memastikan warga jabatan bebas dari penyalahgunaan dadah, pihak pengurusan jabatan mengambil langkah-langkah pencegahan dengan menetapkan tahap risiko penyalahgunaan dadah pegawai dan kakitangan seperti berikut:

- 3.1. Risiko tinggi – Perlu menjalani ujian saringan air kencing secara berjadual setiap bulan;
- 3.2. Berisiko – Perlu menjalani ujian saringan air kencing secara berkala;
- 3.3. Berisiko rendah – Tidak perlu menjalani ujian saringan air kencing.

...2/



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 03757



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO. : ISMS 00125

“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 ( 75 )

Tarikh : 30 Januari 2023

---

4. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap Ketua Penolong Pengarah, Ketua Cawangan, Ketua Pasukan Inovasi Digital dan Ketua KSIT untuk menyenaraikan setiap pegawai di bawah jagaan masing-masing menjalani ujian saringan air kencing dengan mengenalpasti tahap risiko penyalahgunaan dadah mengikut **perkara 3.1, 3.2 dan 3.3** di atas.


5. Sila maklum bahawa ujian saringan air kencing akan dilaksanakan dengan kerjasama **Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)** mengikut cawangan berdekatan stesen bertugas tuan/puan.

6. Selain itu, tuan/puan juga adalah diminta untuk mengemukakan laporan tahap risiko pegawai di bawah seliaan masing-masing ke Bahagian Pentadbiran & Pengurusan, Ibu Pejabat dan sila pastikan pekeliling ini dipatuhi.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PROFESIONALISME TERAS KEUNGGULAN”**



**(ERNYWATI DEWI BINTI ABAS)**

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PIAA/tes

**“SABAH MAJU JAYA”**